

Penggunaan Media Sosial Dalam Memperkenalkan Kaedah Fiqh Bagi Industri Pelancongan Dan Makanan Halal Di Hotel: Satu Tinjauan

Siti Nur Husna Abd Rahman

2022416422@student.uitm.edu.my

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Muhammad Adnan Pitchan

adnan86@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Rafidah Mohd

rafidah2262@uitm.edu.my

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

Nursafra Mohd

nursafra@uitm.edu.my

Universiti Teknologi Mara (UiTM)

ABSTRAK

Industri pelancongan di Malaysia telah menjadi salah satu keutamaan kerana dilihat mampu menyumbang pendapatan yang tinggi kepada negara. Perkembangan industri pelancongan ini, turut menyumbang kepada industri pelancongan Islam. Kajian ini bertujuan membincangkan penggunaan media sosial memainkan aspek penting dalam pelancongan Islam serta hubungannya dengan peluang kerjaya di Malaysia. Pelancongan Islam adalah aktiviti-aktiviti pelancongan berlandaskan undang-undang syariah dan nilai-nilai Islam dimana ia melibatkan pelancong Islam mahupun bukan Islam ke tempat atau Negara Islam. Pelancongan ini menawarkan beberapa produk dan perkhidmatan hospitaliti yang patuh syariah. Antaranya adalah perkhidmatan penyediaan hotel mesra halal, perkhidmatan kewangan Islam, perkhidmatan pengangkutan halal, pakej pelancongan Islam, makanan halal dan standard halal. Penawaran produk dan perkhidmatan hospitaliti ini secara tidak langsung telah membuka peluang pekerjaan di Malaysia khususnya bagi melahirkan tenaga pakar dalam industri halal seiring Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sepatutnya Malaysia sebagai sebuah negara Islam perlu menjalankan dan melaksanakan Hotel Patuh Syariah secara keseluruhannya, hal ini kerana ia merupakan salah satu keperluan kepada pelancong dan juga kepada pengguna pada hari ini.

Kata Kunci: Internet; media sosial; industri pelancongan; makanan halal

The Use Of Social Media And Fiqh Methods In The Determination Of Career Opportunities In The Tourism And Halal Food Industry In Hotels Around The Nine States: A Review

ABSTRACT

The tourism industry in Malaysia has become one of the priorities because it is seen to be able to contribute a high income to the country. The development of the tourism industry also contributes to the Islamic tourism industry. This study aims to discuss the use of social media plays an important aspect in Islamic tourism as well as its relationship with career opportunities in Malaysia. Islamic tourism is tourism activities based on Sharia law and Islamic values where it involves Muslim or non-Muslim tourists to Islamic places or countries. This tour offers a few Shariah-compliant hospitality products and services. Among them are halal-friendly hotel preparation services, Islamic financial services, halal transport services, Islamic tourism packages, halal food and halal standards. The offering of these hospitality products and services has indirectly opened job opportunities in Malaysia, especially to produce experts in the halal industry in line with the 11th Malaysia Plan. Malaysia as an Islamic country should run and implement Shariah Compliant Hotels as a whole, this is because it is one of the needs for tourists and for consumers today.

Keywords: Internet; social media; tourism industry; halal food

PENGENALAN

Dalam persoalan halal dan haram sepertimana yang telah disyariatkan oleh Allah SWT, manusia dapat meneroka sempadan kebaikan dan keburukan sebagai panduan asas untuk kepentingan kehidupan. Pembuktian saintifik melalui kajian dan pengkajian menunjukkan bahawa setiap perkara yang halal mendatangkan manfaat manakala yang haram sudah pasti akan wujud mudarat bersamanya. Islam sangat menekankan pengambilan makanan yang halal lagi baik kepada seluruh umatnya. Hal ini kerana pengambilan makanan yang halal lagi baik dapat membentuk akhlak dan peribadi seseorang yang akan menyumbang kepada pembentukan peribadi ummah. Seorang Muslim memastikan pengambilan sumber makanan dan minuman mereka adalah halal dan mematuhi panduan pemakanan syariat Islam yang betul (Harlida & Alias Azhar 2014).

Islam bukan sahaja memberi perhatian terhadap zat makanan semata-mata, bahkan mengambil berat tentang proses penyediaan makanan dari awal hingga akhir penyediaannya. Selain itu, sumber dan punca makanan diambil, cara memasak, serta kebersihan tempat memasak juga turut diambil kira (Mohd Hamim et al. 1997).

Pengambilan makanan yang haram dan tidak baik untuk kesihatan akan merosakkan objektif syarak yang lima iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta benda (al-Qaradhwai 2000). Firman Allah SWT dalam al-Quran (al-Maidah 5: 90):

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْمَ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَبِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya .

Ayat ini menjelaskan Allah SWT memerintahkan kepada orang-orang yang beriman supaya berwaspada dalam pemilihan makanan dengan hanya mengambil makanan yang halal sahaja. Allah SWT melarang manusia daripada bergelumang dengan judi, pemujaan berhala dan mengambil arak (Ibn Kathir 2000). Pengambilan makanan yang haram akan memberi kesan negatif kepada emosi, rohani dan fizikal seseorang yang akan mendorong seseorang itu melakukan maksiat dan kemungkaran. Pengambilan makanan yang haram juga akan mendatangkan kemurkaan Allah SWT dan menyebabkan seseorang itu dimasukkan ke dalam neraka. Oleh itu, setiap individu Muslim hendaklah memastikan dirinya bersih daripada perkara-perkara yang diharamkan syarak khususnya dalam pengambilan makanan halal (Saadan Man & Zainal Abidin 2014).

Perbahasan mengenai makanan merangkumi umat Islam di negara Islam dan negara bukan Islam. Hal ini kerana makanan merupakan keperluan bagi setiap individu dalam meneruskan kehidupan (Mohammad Aizat et al. 2011). Umat Islam di negara Islam tidak mempunyai masalah dalam mendapatkan makanan halal. Keadaan ini berbeza dengan masyarakat Islam yang berada di negara bukan Islam. Mereka mengalami kesukaran untuk memperoleh makanan halal dan ada ketikanya mewujudkan perasaan syak wasangka di dalam hati mereka mengenai peralatan seperti pinggan, kuali dan sudu suci daripada najis mughallazah (Romadhani Ardi 2014).

Media baharu yang digunakan alam perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi telah mengubah landskap komunikasi individu dengan individu lain. Penggunaan media sosial ini meliputi tuntutan pelaksanaan dakwah yang harus menggunakan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian zaman. Kebanjiran media sosial seperti Facebook dan Twitter dilihat memberi peluang yang meluas terhadap penyebaran pesanan dakwah kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Ini jelas apabila terdapat pendakwah-pendakwah tersohor turut menjadikan media sosial sebagai wadah penting penyebaran dakwah mereka. Selain itu, berdakwah merupakan satu tuntutan dan tanggungjawab yang besar yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam dengan menitikberatkan konsep amar ma'ruf nahi munkar (Zulkiple, 2001). Media sosial boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan alat komunikasi mudah alih dan telefon pintar. Media sosial membolehkan maklumat disebarluaskan dengan pantas tanpa sempadan mengakibatkan terjadinya fenomena besar terhadap pengaliran maklumat yang tidak hanya berlaku di negara-negara maju, bahkan juga di Malaysia. Kelebihan yang dimiliki media baharu yang dikuasakan oleh Internet yang mempunyai pelbagai aplikasi, mudah dicapai dan penyampaian maklumat secara cepat dan pantas sekaligus menjadikannya sebagai medium yang popular. Internet menjadi ruang digital baru mewujudkan ruang kebudayaan. Tidak dapat dielakkan bahawa kewujudan Internet memberikan banyak kemudahan kepada penggunanya (Primada Qurrota Ayun, 2015). Penggunaan media sosial dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai kaedah fiqh adalah satu langkah yang bagus kerana sekarang ini masa

telah melangkaui segalanya. Oleh yang demikian, dengan adanya media sosial dan telefon pintar, kita dapat mengetahui mengenai kaedah fiqh dengan mudah dan cepat dan boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

Perkembangan media sosial telah menjadi platform untuk melibatkan diri dalam masyarakat (Supyan Hussin, 2015). Hasil kajian yang dilakukan mendapati pengguna media sosial bimbang, berhati-hati dan tidak yakin apabila berhadapan dengan isu-isu berkaitan dengan isu-isu Islam yang berlegar dalam media sosial dan mereka juga belum bersedia untuk menghalang atau mencegah penyebaran isu-isu Islam dalam media sosial (Syed Mohammad Hilmi et al. 2022). Kemajuan teknologi masa kini yang menjadi pencetus kepada perkembangan media sosial baharu sekaligus telah mempengaruhi budaya dan kehidupan manusia sehari-hari. Namun begitu, kemajuan yang baru ini turut melahirkan isu berkaitan penyalahgunaannya. Tanpa panduan Islam dan akhlak berkomunikasi, pelbagai bentuk pelanggaran telah berlaku. Walaupun penyebaran sesuatu berita itu adalah cepat, tetapi masyarakat ditegaskan supaya membaca dan mempercayai berita melalui sumber yang sahih sahaja. Sejak perkembangan media sosial, boleh didapati banyak blog telah muncul dan kebanyakan penulisan yang dibuat adalah tidak berdasarkan fakta yang tepat. Justeru, melalui pengguna media sosial dapat membuat pertimbangan yang bijak dalam melayari laman sesawang yang ada dalam media sosial. Pada era ini tidak dapat menolak bahawa perkembangan media sosial adalah sesuatu yang memberi kesan positif kepada masyarakat di dalam skop penyebaran berita. Kalau dulu pada tahun 1980-an, masyarakat Islam agak sukar untuk mengetahui segala perkara yang berlaku di sekelilingnya sehinggalah berita itu dikeluarkan di akhbar-akhbar. Tetapi kini, masyarakat Islam dengan mudah dapat mengetahuinya melalui media sosial (Mior Kamarulbaid, 2015). Oleh itu, individu, masyarakat Islam dan pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci yang semakin berleluasa di media sosial supaya teori itu mudah diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari mereka. Masyarakat juga disarankan supaya menyemak kesahihan sesuatu info yang tersebar di media sosial dan tidak mudah tularkan sesuatu info-info tersebut bagi mencegah kemungkaran yang lebih besar. Walaupun media sosial turut menjadi saluran alternatif maklumat dalam mempromosikan nilai demokratik, ramai pengguna kurang berhati-hati apabila melemparkan tuduhan. Jika diperhatikan melalui perkembangan media sosial di Malaysia, kadar celik politik dan agama masih rendah kerana perbincangan di rangkaian itu hanya tertumpu pada hal-hal peribadi, fitnah antara satu pihak dan pihak yang lain serta memanipulasi fakta yang betul (Ulung Shamsul Amri, 2015). Selain itu, dapat melihat juga bahawa pelayar media sosial turut mempunyai pengetahuan sejarah yang minima kerana masyarakat jarang melihat perbincangan yang agak rasional di media sosial. Namun demikian media sosial adalah wahana yang boleh membincangkan pelbagai perkara melalui alam maya, dan ramai rakyat Malaysia tidak ketinggalan ketika negara menghampiri status negara maju menjelang tahun 2020.

Penggunaan media sosial baharu pada masa kini adalah seiring dengan era kemodenan yang berlaku. Pada asasnya penggunaan media sosial baharu ini adalah bertujuan untuk ke arah kebaikan bersama, yang mana ianya digunakan untuk menghubungkan manusia di seluruh dunia dengan lebih cepat dan pantas. Akan tetapi, penggunaan yang tidak dikawal dan tidak dimanfaatkan dengan panduan yang betul telah menimbulkan banyak permasalahan di laman sosial ini. Dalam masa yang sama menimbulkan persoalan hukum sama ada penggunaan media sosial dibenarkan atau dilarang oleh Syarak (Syed Mohammad Hilmi et al. 2022).

Media sosial yang mempunyai laman sosial yang popular seperti Facebook, Twiter dan sebagainya menyebabkan timbulnya usaha untuk membangunkan jaringan sosial tempatan yang sesuai dengan kandungan dan pengguna di Malaysia (Siti Eizaleila dan Azizah, 2010). Ini memberi satu alternatif baru dalam interaksi dan komunikasi melalui ruang maya. Secara amnya, kewujudan laman web rangkaian sosial telah digunakan oleh semua peringkat lapisan masyarakat tidak kira sama ada golongan pelajar, surirumah, para pekerja sektor awam mahupun swasta. Oleh itu, kemunculan media baharu khususnya media sosial pada masa kini dilihat sebagai satu wadah penting untuk berdakwah dalam kalangan rakyat Malaysia. Menurut Sohirin (2008), usaha dakwah melalui Internet perlu diberi keutamaan berbanding penggunaan media tradisional. Ini kerana penyampaian pesanan dakwah itu boleh merentasi sempadan seterusnya mampu mensasar kepada bukan sahaja orang Islam malah segenap lapisan bangsa. Melalui penggunaan media, pelbagai keperluan semasa umat Islam dapat dicurahkan oleh umat Islam itu sendiri mengikut citarasa kontemporari yang sesuai dengan ajaran Islam dan yang sentiasa menjadi pilihan alternatif umat Islam sekarang.

Syed Mohammad Hilmi et al. (2022), Pada satu sisi, segelintir pengguna media sosial merasakan pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu isu sudah memadai melalui sumber yang tersebar dalam media sosial. Trend ini sangat membimbangkan kerana sesuatu yang tular melalui media sosial seperti Facebook, WhatsApp, Twitter dan Instagram mudah untuk dieksloitasi. Rosmawati (2011), pula menjelaskan antara kelebihan laman web sosial yang menjadikannya sebagai pilihan pengguna Internet hari ini adalah disebabkan penawarannya mencipta personal maya dalam setiap profil pengguna serta sebagai bentuk komunikasi dengan pelbagai aktiviti. Ini membolehkan pengguna bergerak secara aktif dalam komunikasi maya dan berkongsi idea secara individu. Selain itu, para pengguna bebas bersuara dan melontarkan pandangan melalui tulisan-tulisan mereka di laman-laman sosial. Selain daripada itu, menurut Siti Eizaleila dan Azizah (2010), laman jaringan sosial yang muncul kebanyakannya menawarkan fungsi yang sama iaitu sebagai tempat untuk bertemu sahabat baharu, mengekalkan persahabatan, berkongsi maklumat dan idea untuk tujuan peribadi mahupun tujuan perniagaan serta menyatukan orang ramai. Ini jelas menunjukkan kelebihan media sosial yang boleh digunakan oleh para pendakwah dalam menyebarkan mesej Islam kepada seluruh masyarakat di Malaysia mahupun merentasi sempadan dunia. Oleh itu, penggunaan media sosial seperti blog, Facebook, YouTube, Twitter dan Instagram tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahu pun pemimpin memilih untuk menggunakaninya. Justeru, media sosial ini turut menjadi satu cara untuk kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai kaedah fiqh secara terperinci.

PELUANG KERJAYA DALAM INDUSTRI PELANCONGAN DAN MAKANAN HALAL

Industri perhotelan merupakan salah satu bentuk pelaburan yang baru di Malaysia. Negara Malaysia merupakan salah satu negara yang memandang serius di dalam pembangunan industri pelancongan. Industri pelancongan ini telah dikenal pasti sebagai salah satu bentuk pelaburan yang boleh mendatangkan pendapatan besar kepada negara. Industri perhotelan merupakan salah satu komponen yang menyumbang kepada pendapatan negara. Peranan industri perhotelan telah di kaji bagi mendapatkan faedah kepada negara. Malahan, industri

perhotelan telah mendapat banyak latihan daripada pihak yang berkaitan seperti kerajaan bagi menaiktarafkan lagi sektor perhotelan di negara Malaysia. Mohammad Azizul et al. (2019) dalam kajiannya mengatakan bahawa pelancongan Islam sememangnya berkembang pesat di Malaysia dan salah satu produk dalam pelancong Islam yang mempunyai potensi besar untuk dibangunkan adalah hotel patuh syariah. Hotel patuh syariah merupakan konsep pengurusan perhotelan yang bercirikan Islam seperti menawarkan makanan dan minuman halal, menyediakan Al-Quran, sejadah, arah kiblat dalam bilik, pemisahan antara bilik lelaki dan perempuan yang belum berkahwin dan transaksi kewangan berdasarkan syariah.

Perkhidmatan hotel patuh syariah adalah penting untuk memenuhi keperluan pelancong khususnya pelancong Muslim tempatan dan luar negara seperti negara Timur Tengah. Potensi kehadiran pelancong dari pelbagai negara khususnya timur tengah mampu melonjakkan sektor pelancongan sekiranya keperluan dan kehendak mereka dapat disediakan untuk keselesaan pasaran pelancongan berkenaan. Walaupun begitu, terdapat beberapa cabaran yang perlu diambil kira dalam pelaksanaan pelancongan halal ini seperti mewujudkan badan pensijilan berkaitan pelancongan halal dengan menggunakan standardasi (MS2610:2015), membuat kerangka standardisasi yang lebih fleksibel berbanding dengan Standard Malaysia yang sedia ada. Menurut Shakiri (2006), pelancongan Islam tidak hanya terhad kepada pelancongan berbentuk motivasi agama semata-mata tetapi merangkumi semua bentuk pelancongan yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Pelancongan Islam pada asasnya tidaklah jauh bezanya dengan pelancongan yang dijalankan pada hari ini. Perbezaan yang boleh didapati ialah dari segi prinsip terutamanya dari segi kepatuhan kepada sistem dan nilai yang ditetapkan oleh syarak. Hal ini dilihat berbeza dengan pelancongan sedia ada yang dilihat tidak menitik beratkan apa yang diistilahkan sebagai mesra pelancong Islam (Noor Fiteri et al. 2014).

Realitinya kebanyakan pengendali hotel masih kabur berkenaan kriteria sebenar hotel Islamik atau hotel patuh syariah (Mohd Hyrul et al. 2017). Terminologi hotel mesra Muslim dan hotel patuh syariah juga pernah diperdebatkan dari sudut kesesuaianya pada masa kini. Namun menyedari kesukaran mencapai tahap kepatuhan Syariah dalam industri perhotelan semasa, akhirnya istilah hotel mesra Muslim lebih banyak digunakan (Majdah et al. 2017). Namun begitu, penggunaan terminologi hotel mesra Muslim bukan bermakna pengendali hotel boleh mengorbankan prinsip-prinsip penting dalam Syariah, sebaliknya keperluan seorang pelancong Muslim hendaklah dipenuhi. Untuk mengkategorikan keperluan seorang Muslim, konsep Maqasid Syariah perlu dijadikan parameter (Fisol et al. 2019). Herarki keperluan seorang Muslim secara vertical disusun mengikut tahap *daruriyyat*, *hajiyyat* serta *tahsiniyyat* dan secara horizontalnya merangkumi penjagaan lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, maruah dan harta.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik. Keunikan ini dapat digambarkan dengan masyarakat majmuk. Kemajmukan bukan hanya melibatkan masyarakat berbilang kaum, ia turut diwarnai dengan masyarakat yang berbeza kepercayaan dan agama serta berlainan budaya. Ia digelar sebagai pentas miniatur Asia. Ini kerana dalam komposisi yang membentuk masyarakat Malaysia, terdapat pelbagai kaum yang mempunyai akar peradaban Asia yang kukuh, iaitu kaum Melayu, kaum Cina dan India. Setiap kaum mempunyai identiti budaya yang tersendiri. Identiti budaya ini termasuklah corak pemakanan atau lebih umumnya kepenggunaan. Setiap masyarakat mempunyai kepercayaan dan pantang larang tersendiri, yang mana ia berkait rapat dengan tradisi dan pegangan agama masing-masing. Setiapnya ada perbezaan dan ciri-ciri yang tersendiri. Kadangkala ia bersifat kontradik antara satu masyarakat dengan yang lain. Sebagai contoh, dalam isu melibatkan khinzir dan derivatifnya, ia menimbulkan konflik antara golongan Islam dengan bukan Islam.

Dalam konteks masyarakat Malaysia, yang mana pengenalan kaum seiring dengan status keagamaannya, isu khinzir melibatkan orang Melayu dengan Cina. Bagi orang Melayu dan Islam, khinzir adalah binatang yang dilarang dan ia jelas termaktub di dalam al-Quran, sedangkan bagi orang Cina, tradisinya amat menggemari makanan berasaskan khinzir. Begitu juga dengan isu binatang lembu, yang mana menimbulkan konflik antara orang Islam dan penganut Hindu ataupun, orang Melayu dengan orang India. Bagi orang Melayu dan Islam, lembu adalah binatang yang halal, boleh disembelih dan makan serta dapat dijadikan haiwan qurban pada musim perayaan Aidil Adha, sedangkan bagi penganut Hindu, lembu adalah binatang suci, tidak boleh disembelih ataupun dimakan. Kontradiksi dalam budaya kepenggunaan ini kadangkala menimbulkan rasa tidak puas hati, malah timbul konflik apabila ia dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu. Sehubungan dengan itu, setiap pihak perlu menanamkan sikap saling hormat-menghormati terutama dalam menjaga sensitiviti setiap kaum agar masyarakat majmuk di Malaysia dapat terus hidup dalam suasana aman lagi harmoni.

Syed Mohammad Hilmi et al. (2022), secara asasnya, Islam sebagai syariah yang komprehensif telah menggariskan beberapa panduan dalam penggunaan media sosial baharu. Dalam hal ini, Islam menganjurkan umatnya supaya mengambil sikap berhati-hati serta menilai sesuatu maklumat dengan cermat. Hal ini kerana dibimbangi akan mendorong pengaruh buruk terhadap penerima mesej, apatah lagi secara umumnya media baharu didominasi oleh musuh Islam yang mempunyai pelbagai prejedis khususnya terhadap Islam dalam konteks dunia globalisasi kini. Polemik berdasarkan kepenggunaan terutama dalam membincangkan mengenai masalah makanan dan pemakanan tidak pernah susut walaupun masa dan keadaan sentiasa berubah. Ini kerana isu makanan dan pemakanan merupakan di antara perkara penting yang sangat dititik beratkan oleh Islam terhadap umat Islam dan sentiasa menjadi topik utama perbualan dalam kalangan masyarakat Islam di luar sana (Azman Ab Rahman, 2007).

Disamping itu, terdapat juga isu lain yang turut membentuk pengguna Islam adalah penyembelihan haiwan halal yang tidak mengikut syariat Islam dan penyalahgunaan logo halal dalam produk makanan, barang gunaan serta barang kosmetik kecantikan yang tidak diberi sijil halal oleh badan yang bertanggungjawab (Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli, 2012). Masalah ini akan menyukarkan masyarakat minoriti di Negara bukan Islam membezakan yang mana halal dan yang mana haram kerana setiap produk atau barang tidak mempunyai logo halal. Bagi menetukan sesuatu barang itu halal masyarakat minoriti Islam di Negara bukan Islam mestilah meneliti kandungan bahan yang digunakan supaya terhindar daripada unsur khinzir dan alkohol.

Ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t.:

﴿ يٰ أَيُّهَا النَّاسُ كُلُّمَا فِي الْأَرْضِ حَلَالٌ طَبِيبًا وَلَا تَتَّبِعُوا حُطُوتَ الشَّيْطَنِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ¹ ﴾



Maksudnya:

¹ Al-Quran, Al Baqarah, 2:168.

Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu².

Konsep makanan dalam Islam bertunjangkan kepada konsep halal. Untuk menjamin sesuatu produk makanan menepati konsep halal lagi baik, kebanyakan Negara Islam menukuhan badan khas. Badan khas ini ditubuhkan di bawah peruntukan undang-undang negara bagi memantau proses pengeluaran makanan di negara tersebut. Badan ini juga berfungsi untuk memantau proses penyediaan makanan serta memberikan status halal bagi produk-produk makanan yang menepati syariat (Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar, 2014). Penubuhan badan halal ini akan memberikan kemudahan kepada pengguna Muslim untuk memperolehi makanan yang halal (Ahmad Hidayat Buang & Zulzaidi Mahmod, 2012). Menurut Mohd Imran Khan dan Abid Haleem (2016), terdapat lebih kurang 400 badan penentuan halal di seluruh dunia sehingga tahun 2016. Jumlah yang besar ini menunjukkan keprihatinan masyarakat dunia dalam memartabatkan industri makanan halal dunia.

Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2016), antara badan penentuan halal yang terdapat di negara majoriti Islam ialah *The Indonesian of Ulema Council* (MUI) yang terdapat di Indonesia, *Egyptian Organization for Standarzation & Quality* di Mesir, Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal yang terdapat di Brunei dan sebagainya. Manakala badan penentuan halal di negara minoriti muslim pula antaranya ialah *Australian Halal Authority & Adviser* (AHAA), *China Islamic Association*, *Halal Certification Agency Vietnam*, *Islamic Food and Nutrition Council of America* dan sebagainya. Badan-badan ini bertanggungjawab dalam memantau pemprosesan dan penyediaan makanan halal oleh pengeluar-pengeluar makanan. Pemantauan ini bermula daripada pengeluaran bahan mentah sehinggalah sedia untuk dipasarkan kepada para pengguna.

Di sebalik keterbatasan penulisan secara serius ini, Produk Hotel Patuh Syariah adalah sesuatu yang baru dalam pelancongan Islam, pengkaji dan ahli Sarjana kurang membincangkan mengenai hotel yang berkonseptan Patuh Syariah. Namun ada juga sebahagian penulis membincangkan hotel mengenai hotel patuh syariah. Seperti apa yang sedia maklum, perkhidmatan perhotelan adalah sangat penting dalam pelancongan Islam, menyedari kepentingan itu, salah satu produk yang akan diperluaskan melalui Hotel Patuh Syariah. Di Malaysia, hanya beberapa buah hotel sahaja yang boleh dilabelkan sebagai hotel yang bercirikan Islam yang mana, statistik dari JAKIM telah menunjukkan bahawa hanya 101 hotel di seluruh Malaysia telah menggunakan Sijil Halal dari JAKIM atau MAIN manakala selebihnya masih tidak berbuat demikian. (JAKIM Halal Buletin, 2011) ia adalah penting bahawa kesedaran di kalangan pengusaha hotel di Malaysia yang diperakui hotel mereka dengan JAKIM (Zakiah, 2013). Dalam kajian lepas telah mengenalpasti bahawa maksud hotel Patuh Syariah boleh ditakrifkan sebagai sebuah hotel yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah. Hotel Patuh Syariah tidak hanya terhad untuk menyajikan makanan halal dan minum tetapi operasi di seluruh hotel juga akan diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah (Wan Sahida et al. 2012). Manakala menurut Hesham et al. (2014) dalam kajiannya bertajuk ShariaCompliant Hotel Egypt Concept And Challenges, mendefinisikan hotel patuh syariah ialah, hotel yang tidak mengambil alkohol atau daging babi dibenarkan, perlu pengasingan bilik jantina, manakan penyediaan produk

² Semua terjemahan ayat Al-Quran dalam tulisan ini berdasarkan Tafsir Pimpinan Al-Quran kepada Pengertian Al-Quran, edisi kelapan, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987). [semua terjemahan Al-Quran dalam tulisan ini dibuat oleh penulis kecuali kalau dinyatakan sebaliknya.]

makanan halal. Lain-lain ciri-takrifkan penting termasuk al- Quran dan doa tikar dalam setiap bilik, tiada kelab malam, diskò atau bar, dan adanya arah kiblat dalam setiap bilik.

Manakala menurut Fadil (2011) dalam kajiannya yang bertajuk Hotel patuh syariah ialah hotel mempunyai ciri-ciri seperti yang beroperasi di negara Tengah mempunyai pelbagai versi dari segi amalan pengurusan dan perniagaan. Hotel yang tidak menyediakan minuman keras juga layak dikategorikan sebagai hotel patuh syariah, walaupun tidak mematuhi peraturan-peraturan yang lain yang digariskan oleh syarak. Namun berbeza pula pandangan Battour et al. (2010) bahawa dapur juga perlu Halal bahawa makanan halal dan tidak halal tidak boleh dimasak bersama-sama dalam dapur yang sama dan dengan peralatan yang sama. Menurut Hesham (2014) dalam kajiannya boleh dikatakan bahawa untuk mengetuaui ciri-ciri hotel patuh syariah adalah melalui beberapa kategori antaranya ialah operasi, reka bentuk dan kewangan namun begitu ciri-ciri ini tidak bersepakat dalam memutuskan perkaitan tersebut begitu juga (Wan Sahida 2011) hotel Patuh Syariah tidak hanya terhad untuk menyajikan makanan halal dan minum tetapi operasi di seluruh hotel juga akan diuruskan berdasarkan prinsip-prinsip Syariah.

Dalam konteks lain dalam nada yang agak keras menurut Zakiah (2013) dalam kajiannya yang *bertajuk Towards the formation of syariah compliant hotel in Malaysia Hotel Patuh Syariah* adalah berkenaan hotel yang menyediakan perkhidmatan selaras dengan prinsip-prinsip Syariah di mana ia tidak hanya terhad untuk berkhidmat minuman makanan yang halal, tetapi lebih daripada itu adalah untuk memastikan keseluruhan operasi di seluruh hotel juga akan beroperasi di mengikut prinsip-prinsip Syariah. Antara contohnya ialah, pemilik hotel mesti menyumbang sebahagian hasil kepada Zakat. Ia merangkumi lebih dari itu bahawa jika nilai teras seperti hotel berikut perspektif Islam dalam semua aspek, dari pembersihan kepada amalan perakaunan.

Berdasarkan kajian Zakiah & Noorsalwati (2012) apa yang menjadi permasalahannya pada hari ini tidak ada garis panduan lagi yang diperuntukkan oleh JAKIM dalam menentukan garis panduan Hotel Patuh syariah, menurut dalam kajian yang *bertajuk Developing halal standart for Malaysian hotel. International halal conference* mengikut (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) sehingga sekarang tidak ada garis panduan undang-undang atau standard yang dikawal selia untuk pemilik hotel itu untuk membolehkan mereka mematuhi sepenuhnya dan dilengkapi dengan keperluan sebagai Hotel Patuh Syariah secara keseluruhan yang meliputi keseluruhan premis semasa memohon persijilan halal. Apa yang mereka hanya mempunyai satu garis panduan halal dan sijil pada makanan dan keluar minuman tetapi tidak meliputi seluruh premis dan pengurusan.

Maka secara kesimpulannya, pelancongan Islam adalah pelancongan yang melibatkan pelancong muslim atau yang bukan muslim ke destinasi masyarakat muslim ataupun tidak tetapi produk dan perkhidmatan perlulah mengikut nilainilai dan prinsip syariah. Aktiviti yang dilakukan bukan sekadar untuk mendapatkan keredhaan Allah SWT bahkan dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

KEPERLUAN KEPADA TRANSFORMASI HUKUM ISLAM

Menurut Mahmood Zuhdi (2010) fiqh bererti faham, sama ada secara mendalam atau mendatar. Namun, apabila difahami dengan lebih mendalam membawa maksud kefahaman yang mendalam tentang hukum Islam. Kefahaman juga boleh terbina melalui pembacaan, penelitian, pengkajian yang ilmiah tentang hukum Islam dalam pelbagai aspek yang berkaitan kehidupan manusia (Paizah Ismail 1999). Sebagaimana yang kita ketahui, hukum Islam tidak

boleh diabaikan sama sekali kerana hukum dan nilai Islam itu pada asasnya terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah. Banyak prinsip dalam al-Quran dan al-Sunnah ini menganjurkan supaya dirujuk dengan kehidupan manusia. Bahkan, dalam beberapa perkara, tahap kefahaman sesuatu nas dan objektif syarak juga mungkin bergantung kepada kefahaman terhadap hukum Islam.

Dalam memberi makna fiqh ini, beberapa perkara perlu diberi perhatian iaitu menerangkan apa yang perlu didahulukan dan dikemudiankan, mengenal pasti perkara yang wajib, harus dan haram, serta perkara yang perlu diutamakan dan yang tidak perlu diambil berat (^cIsam ^cAbd Zuhdi Muhammad Bakr al-Riyahi 2012). Sesungguhnya, keutamaan dalam syarak perlu demi menjaga kemaslahatan. Keperluan dalam mengutamakan dan memahami perintah yang *fardu* daripada *furu'*, membuat amalan secara berjemaah lebih baik daripada melakukannya secara individu, mengutamakan fardu ain daripada fardu kifayah dan seterusnya mementingkan kemaslahatan yang besar berbanding kemaslahatan yang kecil.

Di samping itu, tidak terdapat satu undang-undang khusus untuk orang-orang Islam di negara bukan Islam. Undang-undang yang sedia ada tidak mengambil kira keadaan orang Islam. Hal ini menyebabkan kekeliruan terhadap pengguna Islam yang sememangnya peka dan sensitif terhadap isu-isu halal terutamanya dalam pengambilan makanan (Siti Fatimah & Ahmad Hidayat 2016). Oleh yang demikian, keperluan kepada transformasi hukum Islam bagi menjawab persoalan hidup semasa dalam masyarakat Islam di negara bukan Islam hari ini sangat dirasakan. Di bawah pengaruh dunia baru dengan segala kemajuannya baik dari segi ekonomi, sosial mahupun sains dan teknologi serta semua perkara dalam kehidupan moden sekarang ini telah berubah.

Oleh itu perkembangan kaedah fiqh merupakan jalan yang sesuai bagi menjawab persoalan, dan memudahkan urusan umat Islam berlandaskan syariat Islam. Yusuf al-Qaradawi menyebut:

Setiap zaman ada persolannya sendiri, ada kejadian sendiri dan ada keperluan sendiri. Bumi ini berputar, cakerawala beredar, alam bergerak dan jarum jam tidak pernah berhenti (Mahmood Zuhdi 2010).

Oleh yang demikian, pengetahuan terhadap hukum hakam dalam Islam hendaklah diperkenalkan khususnya dalam peluang kerjaya dalam industri pelancongan dan penentuan makanan halal di hotel. Berdasarkan kepada perbincangan sebelum ini, kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan kaedah fiqh dalam penentuan halal makanan di hotel. Pengaplikasian kaedah fiqh ini diwujudkan untuk memberi keringanan dan panduan kepada penduduk muslim minoriti atau pelancong muslim di negara bukan Islam dalam memilih makanan halal. Hal ini keran kaedah fiqh merupakan antara perkara penting yang menjaga kemaslahatan umat Islam. Dalam hal ini telah dibincangkan pelbagai perkara, isu-isu semasa dunia hari ini, segala permasalahan yang melanda umat Islam pada hari ini dan telah banyak memberi keringanan kepada umat Islam dalam menyelesaikan masalah tersebut.

Islam merupakan agama yang membuka ruang manfaat dan menutup ruang kemudaratian kepada manusia. Sebab itu, jika diamati Al-Quran dan Sunnah, kita akan dapati bahawa sesungguhnya hukum-hakam syariah cenderung kepada mengharamkan sesuatu perkara yang boleh mendatangkan kemudaratian. Ia kemudian disusuli dengan penyelesaian yang boleh membawa kepada kemaslahatan. Daripada kerangka inilah, timbulnya hukum-hukum taklifi iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan harus (Abdul Azib, 2012).

Mudarat adalah sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya kepada keperluan asas manusia seperti agama, diri, keturunan, akal dan harta. Biasanya, apabila terjadinya sesuatu yang mudarat itu, ia akan menyebabkan mereka yang terlibat mengalami kesusahan, kerugian dan pelbagai bebanan dalam kehidupannya. Mudarat sebenarnya adalah ancaman yang mengundang bahaya dalam kehidupan manusia. Terdapat pelbagai jenis mudarat yang telah diklasifikasikan oleh para ulama. Antaranya, mudarat kecil dan mudarat besar, mudarat khusus dan mudarat umum, mudarat jangkamasa pendek dan mudarat jangka masa panjang (Yusuf Al-Qardawi, 1999).

Sejakar dengan itu, para ulama telah menggagaskan kaedah fiqhiyyah ini yang bermaksud semua kemudarat mesti dihapuskan. Menurut pendapat Al-Sayuthi, dalam hadis Rasulullah SAW menyentuh tentang larangan membawa mudarat atau melakukan darar ke atas orang lain. Hadis ini kemudiannya diterima sebagai kaedah fiqhiyyah dalam memahami peruntukan hukum syarak (Al-Sayuthi, 1998 hlm. 210).

"الضرر يزال"

Maksudnya: "Kemudaratannya hendaklah dihilangkan".

Secara ringkasnya al-darar ialah setiap yang membawa kemudarat kepada manusia. Manakala maksud yuzal ialah dihilangkan. Oleh itu setiap sesuatu yang menimbulkan mudarat dalam kehidupan manusia hendaklah dihilangkan atau dielakkan sama ada mudarat itu terhasil dari individu atau orang ramai atau daripada teknologi. Kaedah ini juga disebut dengan:

"الضرر يزال"

Maksudnya: Bahaya dapat dihilangkan (Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Menurut al-Sayuthi, kaedah fiqhiyyah ini memberi ruang bertindak untuk menuntut peceraian dalam urusan perkahwinan yang mengandungi unsur-unsur darar ke atas satu pihak yang lain sama ada kerana keaiban atau salah laku pasangannya (Ibid, hlm. 211).

Perkataan ضرر dalam hadis tersebut bermaksud melakukan kerosakan terhadap orang lain. Sedangkan perkataan ضرار pula memberi maksud bertindak balas melakukan kemudarat yang sama dengan kemudarat terhadapnya. Dasar daripada kaedah ini adalah daripada sabda Rasulullah SAW:

"لا ضرر ولا ضرار"

Maksudnya: "Tiada boleh membahayakan diri sendiri dan tidak boleh pula membahayakan diri orang lain".³

(Riwayat Ibn Majah no.2340 dan 2341).

³ Hadis ini ditakhrij oleh Imam Malik di dalam Al-Muwatta' daripada Amr Ibn Yahya daripada bapanya secara mursal. Hadis ini juga ditakhrij oleh Al-Hakim di dalam Al-Mustadrak, Al-Baihaqi dan Daruqutni daripada hadis abu Said Al-Khudri. Ibn Majah juga mentakhrijnya daripada hadis Ibn Abbas dan ubadah Ibn Al-Samit.

Ia diaplikasikan dalam pelbagai isu fiqh, dengan kata lain ia berkait rapat dengan menjaga kepentingan agama, jiwa raga, keturunan, harta dan maruah. Kaedah ini menjelaskan bahawa segala kemudaratan perlu ditegah dan diharamkan, ia termasuk mudarab yang umum dan khusus. Di samping itu, pencegahan awal juga perlu dibuat untuk mengelakkan daripada kemudaratan sebagaimana kita menghapuskan kemudaratan yang telah berlaku dan mengawal daripada kemudaratan yang berulang-ulang.

Islam tidak menggalakkan perceraian kerana ia akan mengakibatkan implikasi dan permasalahan yang besar disebabkan oleh perpisahan tersebut. Berbagai permasalahan akan timbul apabila berlaku perceraian di antara suami dan isteri. Oleh yang demikian, setiap kemudaratan yang terhasil daripada peceraian hendaklah dihilangkan bagi memperolehi kebahagiaan yang lebih hakiki. Maka perkara tersebut sesuai dengan kaedah ini iaitu segala kemudaratan yang menimpa atau bakal menimpa hendaklah dielakkan atau di hilangkan.

Segala kemudharatan yang berlaku wajib dihilangkan dan dihapuskan. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang berkenaan masalah kemudaratan. Ada antara kaedah yang menghalang kemudaratan itu daripada dilakukan manakala kaedah ini pula menerangkan tentang kewajipan untuk menghilangkan kemudaratan tersebut apabila ia berlaku. Oleh itu, kaedah ini menunjukkan bahawa apabila berlaku sesuatu kemudaratan yang menimpa mana-mana pihak, maka kemudaratan itu wajib dihilangkannya daripada terus ditanggung (Anwar Fakhri, 2006).

Kemudaratan itu harus dihilangkan dengan membawa pengertian bahawa kemudaratan telah terjadi. Lantaran itu, apabila keadaan demikian berlaku, ia wajib dihilangkan. Kaedah ini juga membawa maksud sesuatu yang boleh mendatangkan bahaya mestilah dihapuskan dan perkara yang merbahaya itu juga hendaklah dihilangkan (Abdul Latif Muda dan Rosmawati Ali, 2000).

Berdasarkan masalah ini, terdapat pula beberapa cabang kaedah yang berkait rapat dengan kaedah utama seperti yang di atas iaitu:

"الضرر يدفع بقدر الامكان"

Maksudnya: "Kemudaratan dibendung semungkin yang dapat"
(Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini berasal daripada kaedah Usuliyyah yang berkaitan dengan skop kewajipan mencegah kemudaratan dan bahaya yang mana jika kemudaratan itu dapat dibendung seluruhnya, maka itulah yang terbaik. Namun, jika tidak termampu untuk berbuat demikian, maka lakukanlah sekadar yang termampu. Ini bermakna jika perceraian merupakan jalan yang terbaik bagi membendung masalah rumah tangga yang tidak kesudahannya, maka keputusan untuk bercerai itu lebih baik daripada terus menerus dalam kemudaratan.

"الضرر الأشد يزال بالضرار الأخف"

Maksudnya: "Kemudaratan yang lebih berat dihilangkan dengan kemudaratan yang lebih ringan"
(Jalaluddin Al-Suyuthi, 2004).

Kaedah ini mempunyai kaitan dengan kaedah yang sebelumnya yang mana membawa maksud apabila terdapat dua kemudaratan dalam satu masa secara serentak, penyelesaiannya

adalah kemudaratan yang lebih berat seharusnya dihilangkan dengan dikerjakan kemudaratan yang lebih ringan. Dalam keadaan lain, kaedah ini bermaksud sekiranya terdapat dua kemudaratan, atau apabila bertentangan antara dua kemudaratan, hendaklah diperhatikan mana yang lebih besar bahaya. Begitulah juga apabila kaedah ini diaplikasikan di dalam perkahwinan yang tiada kesefahaman, toleransi dan bertolak ansur maka pembubaran perkahwinan adalah dibenarkan jika berlaku darar yang besar. Jika sesuatu perkahwinan itu ternyata telah gagal dan tujuan suci dan matlamat murninya tidak tercapai, sebaliknya menimbulkan mudarat yang lebih besar, kesudahan, penderitaan, pertengkaran, pukul memukul, maki hamun dan perkelahian yang berpanjangan, maka ada baiknya berpisah dengan cara yang baik dan bertimbangrasa, sebagai jalan penyelesaian yang terakhir berbanding mempertahankan mudarat yang lebih ringgan.

MASLAHAH PADA PANDANGAN FUQAHĀ'

Menurut al-Ghazali (1993) pula, *maslahah* adalah penjagaan dan pemeliharaan maksud atau tujuan pensyariatan sesuatu hukum dan syariat. Penjagaan dan pemeliharaan maksud syarak terhadap makhluknya diperincikan dengan *maslahah* yang boleh dicapai dalam menjaga lima maksud syarak terhadap makhluk iaitu memelihara agama, diri, akal, keturunan dan harta. Semua yang membawa kepada penjagaan kelima-lima maksud ini adalah *maslahah*, manakala apa-apa yang menghilangkannya adalah *mafsadah* dan menolak *mafsadah* adalah *maslahah*.

Menurut al-Razi (1997) pula melihat *maslahah* sebagai manfaat menjaga lima kepentingan iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta yang dimaksudkan oleh Allah yang bijaksana. Manfaat ialah kebahagian atau apa-apa sahaja yang boleh membawa kepadanya dan menolak kerosakan atau apa-apa sahaja yang boleh membawa kepadanya. Seterusnya Ibn al-Salam (1999) mendefinisikan *maslahah* dengan kelazatan dan kegembiraan serta sebab musababnya, manakala *mafsadah* ialah kesakitan dan kesusahan serta sebab musababnya di dunia dan akhirat. Oleh itu *maslahah* meliputi menarik *maslahah* dan setiap yang membawa kepadanya serta menolak *mafsadah* dan setiap yang membawa kepadanya.

Berdasarkan kenyataan di atas, al-Razi dilihat menyetujui pandangan al-Ghazali bahawa *maslahah* adalah manfaat yang diperoleh dengan menjaga lima kepentingan (*daruriyyat*) iaitu agama, akal, keturunan dan harta manusia serta segala yang boleh membawa kepada *maslahah* sama ada dalam bentuk mencapai kebaikan atau menolak kemudaratan sebagaimana pandangan Ibn al-Salam.

Di kalangan ulama kontemporari seperti al-Buti (2001) juga mempunyai pandangan yang sama dengan ulama terdahulu iaitu *maslahah* termasuk dalam *maqasid* syarak yang merangkumi dalam lima perkara *daruriyyat* iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta. *Maslahah* juga merupakan antara kriteria *maqasid* yang mana ia menjadi panduan kepada keseluruhan hukum-hukum *juz'i* iaitu menjaga kebaikan mukalaf di dunia dan akhirat.

Al-Qaradhawi (1997) menekankan bahawa *maslahah* yang dikehendaki oleh hukum Islam (Syariah) untuk ditegakkan itu merupakan *maslahah* yang merangkumi *al-maslahah al-dunyawiyah* dan *maslahah al-ukhrawiyah*, perpaduan antara *al-maslahah al-madiyyah* dan *maslahah al-ruhiyyah*, perpaduan antara *maslahah al-fardiyyah* (maslahah individu) dan *maslahah al-mujtama'iyyah*, perpaduan antara *al-maslahah al-qauqiyyah al-khasah* dan *al-maslahah al-insaniyyah al-'ammah*, dan perpaduan antara *al-maslahah al-hadirah* dan *al-maslahah al-mustaqbalah*. *Al-Maslahah* dan *maqasid* adalah dua istilah yang sentiasa

digunakan silih berganti. *Al-maslahah* menjadi asas hukum syarak dan setiap *maqasid* (tujuan syarak) mestilah mempunyai *al-maslahah* dengan cara mencapai manfaat dan menjauhi *mafsadah*.

MEDIA SOSIAL SEBAGAI ALAT DAKWAH MENGENAI KAEDAH FIQH

Berkomunikasi sangat dituntut dalam Islam dengan berpandukan kepada ajaran al-quran dan as-sunnah yang merupakan rujukan tertinggi di dalam Islam. Pelbagai kaedah dan medium telah digunakan sejak zaman Rasulullah SAW dalam menyampaikan pesanan terutamanya pesanan yang berkaitan dengan dakwah Islamiah. Namun, sesuai dengan peredaran zaman masa kini, Noor Shakirah (2006) menjelaskan bahawa media menjadi nadi kepada maklumat, kejayaan sesuatu usaha dalam masyarakat bergantung kepada usaha sejauh mana mereka menguasai medium pada zamannya. Dakwah dalam Islam menjadi kewajipan untuk dilaksanakan sama ada secara individu atau secara berkumpulan. Menurut Zulkiple (2001), setiap umat Islam adalah komunikator Islam, iaitu berperanan sebagai seorang pendakwah dan diletakkan tanggungjawab diperangkat wajib menyampaikan pesanan mengikut kadar keupayaan mereka. Secara umum, masyarakat Islam sudah mengetahui bahawa dakwah adalah satu kegiatan yang bersifat menyeru atau mengajak ke arah kebaikan dan meninggalkan keburukan yang berpandukan kepada al-Quran dan as-Sunnah. Selain itu juga, dakwah yang disampaikan atau disebarluaskan adalah bertujuan untuk mengubah kehidupan individu dan masyarakat ke arah kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Penyampaian dakwah yang baik adalah penyampaian yang jelas dan dalam masa yang sama mudah difahami oleh semua golongan masyarakat. Justeru, komunikator Islam mestilah menggunakan media sosial sebagai medium yang terbaik untuk membawa mesej kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada masyarakat Islam di negara ini. Jelasnya, dakwah merupakan seruan kepada seluruh manusia terhadap sesuatu perkara yang diperintahkan oleh Allah SWT dan menggalakkan mereka bagi mendapatkan sesuatu hasil yang mampu mengubah kehidupannya agar lebih baik dan teratur.

Firman Allah SWT:

Untuk orang-orang yang berusaha menjadikan amalnya baik dikurniakan segala kebaikan serta satu tambahan yang mulia dan air muka mereka pula (berseri-seri) tidak diliputi oleh sebarang kesedihan dan kehinaan. Mereka itulah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya

Daripada ayat tersebut dapat dilihat bahawa Allah SWT menyeru manusia supaya patuh dan taat kepadaNya agar memperoleh tempat yang selamat iaitu syurga. Oleh itu, dengan cara berdakwah dapat mengajak kepada seluruh manusia agar berbuat baik dan mematuhi segala perintah Allah SWT. Sehubungan itu, dalam usaha menyampaikan dakwah perlu bergantung kepada medium yang tertentu mengikut peredaran zaman. Pada masa ledakan teknologi terkini memperlihatkan penggunaan media sosial yang sangat dekat dengan pengguna dan penonton alam maya. Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam penggunaan media sosial sebagai tujuan dakwah kepada masyarakat. Kemunculan media sosial seperti Aplikasi WhatsApp, Facebook, blog,

Twitter mahupun Instagram telah mewujudkan satu peluang baru dalam kalangan pendakwah disebabkan sifatnya yang menarik, pantas dan sangat interaktif. Dengan ciri-ciri tersebut, media sosial dilihat mampu memberi impak yang maksima terhadap aktiviti dakwah seterusnya mempengaruhi minat masyarakat agar lebih dekat dengan pesanan dakwah Islamiah. Dakwah pula merupakan suatu interaksi penyampai dan penerima melalui pelbagai cara yang bertujuan untuk menyeru masyarakat mahupun individu itu sendiri untuk beriman dan taat kepada Allah dan Rasul-Nya bersesuaian dengan garis panduan akidah, syariat dan akhlak Islam.

Media sosial adalah tunjang penting bagi masyarakat kerana ia berfungsi sebagai pemerhati, pentafsir dan penghubung (Md Salleh & Saiful, 2000) dalam menyampaikan isu-isu penting kepada masyarakat. Media sosial juga perlu beroperasi berteraskan syariat Islam, iaitu dengan memberi kefahaman tentang ajaran Islam khususnya kepada masyarakat Islam sebagaimana yang telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Mohd Nasran, 2009; Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012; Mohd Sabri, 2009; Zulkiple, Musa, Fauziah & Suria, 2012). Salah satu usaha pihak media bagi mencapai matlamat ini ialah dengan menggunakan konsep media Islamik. Konsep ini menekankan kepada prinsip Islam sebagai tunjang utama dalam menyebarkan berita, maklumat serta idea baharu bagi mengajak masyarakat menuju kebenaran, menyeru kepada kebaikan dan mencegah keburukan (Mohd Nasran, 2009) serta bersikap sensitif terhadap isu-isu semasa berkaitan pengamalan syariat Islam. Di Malaysia, usaha awal untuk merealisasikan konsep media Islamik dapat dilihat dengan memanfaatkan penggunaan aplikasi media sosial tertutup seperti WhatsApp dan Telegram sebagai medium baharu untuk menyebarkan isu-isu keagamaan kepada masyarakat (Asyraf Wajdi Dusuki, 2017). Aplikasi ini kian menjadi trend baharu adalah lebih berkuasa dan memberikan impak positif kerana mudah tular serta dekat dengan masyarakat berbanding aplikasi bersifat terbuka seperti Facebook, Instagram atau Twitter. Oleh itu, Asyraf Wajdi Dasuki (2017) menyarankan agensi agama memanfaatkan segala aplikasi ini dan bukan sekadar guna medium forum atau diskusi sahaja untuk sebar luaskan pengetahuan terutama dalam membicarakan mengenai kaedah fiqh dan aplikasinya dalam kehidupan seharian masyarakat Islam terutamanya Masyarakat Islam di Malaysia. Oleh itu, kewujudan media Islamik memberi ruang kepada para pendakwah untuk menyebarluaskan ajaran Islam kepada masyarakat. Penggunaan media oleh badan kerajaan untuk menyebarluaskan ajaran Islam ke peringkat serantau dan antarabangsa mampu menjadikan Malaysia sebagai hub kandungan Islam.

Manakala bagi golongan pendakwah, mereka menganggap bahawa media sosial amat berguna bagi mempromosikan kefahaman khusus tentang Islam dan merupakan kaedah komunikasi yang popular serta moden untuk menyampaikan dakwah (Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012). Golongan ini juga mendapati bahawa media sosial sangat berguna untuk menyampaikan dakwah Islam kepada golongan muda dan golongan berpendidikan. Selain daripada aktiviti dakwah yang lazimnya dijalankan secara bersemuka oleh individu atau pihak yang berkecimpung dalam bidang keagamaan, media sosial juga dapat dijadikan platform alternatif dalam proses penyebaran ajaran Islam (Mohd Nasran, 2009). Hakikatnya, media sosial mempunyai kemampuan untuk menyebarluaskan maklumat dengan cepat, padat, ringkas, mudah difahami (Amaludin, Zaid, Sarjit, Lee, Nazri & Asyikin, 2011) serta membolehkan pesanan berunsur Islam disebar kepada khalayak yang pelbagai (Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012). Misalnya, media sosial dapat membekalkan pelbagai kandungan sama ada berbentuk dokumentasi, berita, analisis, isu dan gambaran tentang Islam dengan lebih efektif kepada semua lapisan masyarakat yang mempunyai akses kepada Internet (Mohd. Shuhaimi & Sohirin, 2012).

Media sosial yang digunakan terus secara talian adalah melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti Facebook, Twitter dan Wechat. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Oleh itu, penggunaan media sosial seperti Aplikasi WhatsApp, Facebook, blog, Twitter mahupun Instagram hari ini adalah medium terbaik untuk menjelaskan maklumat mengenai kaedah fiqh dengan lebih jelas walaupun penerangan mengenai teori ini telahpun disampaikan melalui ceramah, forum perdana, diskusi ilmiah serta banyak lagi akan tetapi penyampaian maklumat menggunakan medium media sosial adalah satu langkah yang bagus kerana sekarang ini masa telah melangkaui segalanya. Oleh yang demikian, dengan adanya internet dan smartphones, kita dapat mengetahui mengenai kaedah fiqh dengan mudah dan cepat dan boleh di akses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, melalui media sosial masyarakat mampu menyampaikan pesanan dan berkongsi idea mengenai kaedah fiqh.

Justeru, dalam memberi ilmu kepada masyarakat mengenai kaedah fiqh medium media sosial amatlah diperlukan dalam memberikan maklumat dengan lebih mendalam dan seterusnya boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Selain itu, pengumpulan maklumat sahih daripada pihak yang arif mengenai sesuatu hukum yang telah diviralkan dan kemudian dijadikan bahan berita dan kemudian menemubual mereka yang telah menjadi viral di media sosial dan memuat naik berita tersebut ke laman sesawang. Perkara ini secara langsung dapat memberi maklumat kepada masyarakat mengenai kaedah fiqh. Ini kerana, media sosial adalah medium terbaik dalam menyebarkan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Masyarakat juga perlu meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dalam menilai sesuatu bahan rujukan yang diperolehi dan rujukan yang disampaikan mestilah merujuk kepada undang-undang yang telah diperuntukan dalam akta penyebaran maklumat. Jika merasakan sesuatu info yang tersebar di media sosial adalah tidak betul dan menjatuhkan maruah seseorang, buatlah aduan kepada pihak berkuasa atau melakukan demo secara aman supaya wujud suasana positif dan memberi manfaat kepada masyarakat (Supyan Hussin, 2015).

Oleh itu, peranan media sosial pada hari ini bukan sahaja sebagai penyalur maklumat berkenaan isu kemasyarakatan dan pembangunan negara, malah sudah menjadi ejen dakwah dalam mempromosikan maklumat tentang agama Islam kepada masyarakat Islam. Penggunaan media sosial oleh masyarakat yang disifatkan sebagai alat penghubung kepada masyarakat dalam mendapatkan penjelasan mengenai kaedah fiqh dan menunjukkan bahawa media sosial berupaya menghidupkan nilai keagamaan dalam diri dan kehidupan masyarakat Islam. Hal ini membuktikan bahawa salah satu motif penggunaan media sosial adalah bagi memenuhi keperluan keagamaan masyarakat di negara ini. Walau bagaimanapun, media-media lain juga masih digunakan sebagai sumber maklumat, tetapi tidak secara maksimum. Ini disebabkan oleh kelebihan yang dimiliki media sosial baru yang dikuasakan oleh Internet yang mempunyai pelbagai aplikasi, mudah dicapai dan menyampaikan maklumat dengan cepat sekaligus menjadikannya sebagai medium yang popular dalam kalangan masyarakat untuk mengetahui kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci.

Faktor utama yang mendorong pemilihan media sosial sebagai medium terbaik dalam menjelaskan mengenai kaedah fiqh dalam artikel ini adalah kerana terdapat keunikan ciri tersendiri yang dimiliki oleh setiap media untuk menjadi aset yang dapat menarik masyarakat bagi menjadikannya sebagai sumber maklumat utama. Sebagai masyarakat yang mempunyai banyak pilihan sumber untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu isu atau maklumat, masyarakat seharusnya mempunyai pendirian dan persepsi tersendiri terhadap setiap media yang digunakan, sama ada ia bersifat positif atau negatif, seterusnya mendorong atau merencatkan penggunaan media tersebut. Tuntasnya, pemilihan media ditentukan oleh kapasitinya dalam membawa pesanan yang selaras dengan motivasi pada pengguna untuk

mengetahui kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci. Dengan kata lain, satu-satu media digunakan bagi mendapatkan maklumat suatu tajuk kerana ia dapat memenuhi keperluan kognitif, keperluan sosial dan motif agama seseorang individu tersebut. Oleh yang demikian, dalam zaman dunia tanpa sempadan yang mana masyarakat terdedah dengan dunia teknologi yang pesat dengan kepantasan internet tanpa had, dapat lihat bahawa media sosial adalah salah satu medan dakwah yang penting dan sesuai dilakukan untuk meningkatkan dakwah Islam terutama dalam mengetahui kaedah fiqh. Terdapat beberapa kelebihan yang dihasilkan oleh media sosial dalam menyampaikan dakwah dengan lebih jelas dan terperinci. Antara kelebihan media sosial dijadikan medium dakwah adalah:

- a) Penggunaan media sosial dalam berdakwah merupakan satu inisiatif yang berkesan dan memberi implikasi positif. Implikasi melalui penggunaan media sosial ini dapat dilihat melalui sudut masyarakat dan individu itu sendiri. Implikasi terhadap individu melalui pendekatan dakwah memberi kesan apabila seseorang individu mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik dalam memahami kaedah fiqh dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan sehariannya. Dakwah yang disebarluaskan mampu jalan lurus kepada manusia untuk sentiasa melaksanakan perintah Allah SWT bersumberkan al-quran dan as-sunnah. Faktor penting implikasi terhadap individu ini ialah kembali mentaati perintah Allah SWT. Hal ini disebabkan Allah SWT mengukur iman seseorang adalah melalui takwa kepadaNya. Allah SWT tidak mengukur iman seseorang itu berpanduan pangkat atau kedudukan seseorang hambaNya ataupun paras rupa.
- b) Media sosial sebagai medium penyebaran dakwah adalah satu keutamaan kerana mampu mensasarkan lebih ramai target melalui pendedahan dakwah yang dilakukan atas tujuan menyeru kepada kebaikan. Sebagai contoh, seorang pendakwah menerangkan mengenai kaedah fiqh melalui aplikasi Facebook (Laila Nadiatul Falah, 2014). Facebook merupakan antara aplikasi kegemaran yang digunakan oleh masyarakat pada zaman kini untuk berkongsi cerita dan berhubung dengan kawan-kawan. Hal ini bukan sahaja dapat memberi impak apabila dilihat oleh masyarakat Islam, akan tetapi ia juga berupaya menarik kaum lain untuk sama-sama memahami keindahan Islam sebagai agama yang benar malah mampu mengangkat lebih ramai manusia untuk kembali mentaati Allah SWT apabila menjadikan media sosial ini sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah Islam.
- c) Peranan penggunaan laman web sosial untuk menembusi benteng sasaran dakwah remaja yang gemarkan gajet teknologi pelengkap interaksi sosial mereka seperti melalui Facebook, Twitter mahupun Myspace dilihat sebagai faktor kepada pengimplementasian dakwah alaf baharu. Oleh itu, laman web sosial boleh digunakan untuk menjelaskan mengenai kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci.
- d) Penggunaan media sosial seperti blog, Facebook, YouTube, Twitter dan Instagram tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang tetapi mampu menjadi medium dakwah yang terbaik. Media sosial ini turut menjadi satu cara untuk menambahkan pengetahuan kepada masyarakat Islam khususnya mengenai kaedah fiqh. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahu pun pemimpin memilih untuk menggunakannya. Setiap minit, berpuluhan-puluhan video akan dimuat naik ke dalam YouTube. Mereka lebih senang melawat dan menggunakan media sosial berbanding melawat laman web agensi kerajaan. Oleh yang demikian, medium ini perlu digunakan

secara strategik dalam menerangkan mengenai kaedah fiqh dan aplikasinya dalam kehidupan seharian kita.

- e) Media sosial merupakan alat yang berpengaruh dalam semua aktiviti komunikasi. Setiap individu memerlukan media sosial sebagai perantara untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat tidak kira sama ada melalui media cetak atau media elektronik. Kini, dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi maklumat berjaya menjurus kepada penggunaan saluran Internet dengan lebih meluas dalam komunikasi seharian khususnya dalam aspek penglibatan pengguna dalam berinteraksi melalui dalam talian dan dikenali sebagai komunikasi siber. Oleh itu, penyampaian maklumat pada masa kini telah mencetuskan suatu fenomena di mana masyarakat boleh mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan tepat.

Oleh yang demikian, penggunaan media sosial telah berkembang dengan pesat sejak kebelakangan ini dan ia menjadi medium komunikasi utama di kalangan masyarakat kita. Trend ini menjadikannya satu keperluan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat mengenai kaedah fiqh dengan mudah dan cepat. Justeru, perbincangan keagamaan mengenai kaedah fiqh bukan sahaja boleh dibukukan atau disebarluaskan dalam bentuk fizikal namun turut boleh disebarluaskan melalui aplikasi yang lebih dekat dengan masyarakat supaya lebih ramai mendapat manfaat. Perkara ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua masyarakat Islam mengenai kaedah fiqh serta hal-hal yang berkaitan dengan perlaksanaan kaedah fiqh oleh masyarakat Islam untuk terus mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam kehidupan masing-masing. Kaedah fiqh boleh disifatkan sebagai suatu gagasan yang mantap. Penggunaan media sosial dalam memberi penjelasan mengenai kaedah fiqh adalah sesuatu perkara yang sangat mantap dan teratur baik. Oleh yang demikian selain daripada usaha-usaha menggunakan medium media sosial dalam memberi penjelasan mengenai kaedah fiqh medium lain turut boleh dilakukan dan seterusnya dilaksanakan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, aplikasi kaedah fiqh ini boleh diterima sebagai hujah atas dasar ia membawa kebaikan dan menolak kemudarat kepada masyarakat Islam di negara bukan Islam. Selain itu, penggunaan kaedah fiqh ini akan menjadikan permasalahan yang tiada dalam nas boleh di selesaikan. Memandang pengertian fiqh dari pandangan zahirnya diertikan sebagai kefahaman segala sesuatu pada tangga dan peringkatnya yang sebenar dengan pertimbangan keadilan, sama ada mengenai perbuatan, pemikiran, hukum-hakam dan nilai-nilai akhlak mulia maka dari segi hakikat wujud persamaan yang mendalam dalam erti kata menetapkan sesuatu hukum yang sama sekali tidak disebut dalam al-Quran maupun as-Sunnah dengan menggunakan timbangan kemaslahatan atau kemanfaatan atau kepentingan hidup manusia yang berpandukan "جلب المصالح ودفع المفاسد" iaitu mendatangkan kepada kemaslahatan dan menolak segala keburukan atau kerosakan.

Ini membuktikan bahawa setiap permasalahan yang wujud dalam Islam ada jalan penyelesaiannya. Oleh yang demikian, penggunaan kaedah fiqh semakin berkembang kerana ia merupakan salah satu jalan bagi menyelesaikan masalah-masalah kontemporari yang wujud pada zaman kini.

Oleh yang demikian, aplikasi kaedah fiqh dalam kehidupan seharian perlulah ditentukan berdasarkan ilmu pengetahuan tanpa mengikut hawa nafsu. Di samping itu, Islam telah meletakkan prinsip-prinsip dan asas-asas dalam berinteraksi dengan orang bukan Islam

di negara bukan Islam sebagai panduan kepada umat Islam bagi memastikan umat Islam dapat menentukan hukum berdasarkan syariah Islam.

Selain daripada hawa nafsu, melawan syaitan adalah yang utama selepas melawan hawa nafsu. Syaitan akan berusaha untuk menakut-nakutkan dan akan sering menimbulkan perasaan keraguan, cemas dan bimbang di dalam hati manusia. Ini akan menjadi penghalang orang Islam untuk berjuang menegakkan agama Allah SWT. Syaitan suka melihat orang Islam dalam keadaan lalai. Fiman Allah SWT al-Quran (al-Fatir 9: 6):

﴿إِنَّ الشَّيْطَانَ لَكُمْ عَدُوٌ فَاتَّخِذُوهُ عَدُوًّا إِنَّمَا يَدْعُو حِزْبَهُ لِيَكُوُنُوا مِنْ أَصْحَابِ السَّعْيِ﴾ (٦)

Maksudnya:

Sesungguhnya Syaitan adalah musuh bagi kamu, maka jadikanlah dia musuh (yang mesti dijauhi tipu dayanya); sebenarnya dia hanyalah mengajak golongannya supaya menjadi dari penduduk Neraka.

Berdasarkan ayat al-Quran di atas dapatlah kita fahami bahawa ini ada peringatan agar kita sentiasa berwaspada dan dalam keadaan berjaga-jaga dengan ancaman dan sifat-sifat keraguan yang sering digunakan oleh musuh-musuh orang Islam tidak kira daripada hawa nafsu mahupun syaitan kerana tidak akan berputus asa untuk melihat orang Islam lemah dan menjadi pengikutnya.

Komunikasi dan interaksi pada masa ini tidak hanya terhad kepada interaksi secara bersemuka, tetapi komunikasi kini terjalin dalam interaksi ruang maya melalui laman web sosial. Media sosial kini mampu dijadikan medan penyebaran pesanan dakwah kerana ia dapat menjangkau bilangan masyarakat dengan syarat mereka mempunyai akses kepada Internet. Justeru, pendakwah perlu mempunyai kemahiran serta pengetahuan bagi memaksimumkan keberkesanan dakwah yang dilaksanakan. Pendakwah hari ini juga perlu menjadi lebih kreatif dan fleksibel dalam mendekatkan diri dengan masyarakat agar pesanan dakwah tersebut dapat diterima. Oleh itu, penggunaan media sosial dalam Islam seharusnya lebih menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai acuan hidup masyarakat. Hasil daripada artikel ini dapat menyumbang kepada pengetahuan masyarakat Islam mengenai kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci. Masyarakat Islam juga akan sentiasa bermaklumat dan celik menggunakan teknologi komunikasi untuk tujuan kebaikan serta mempertingkatkan manfaat pesanan dan penyampaian dakwah dalam kehidupan. Daripada sudut yang lain, Internet dan media sosial sangat berguna dalam kalangan masyarakat Islam dalam memberi ruang kepada mereka bersuara melahirkan pendapat serta menjadikan mereka lebih berani memperjuangkan kepentingan mereka di masa hadapan selari dengan tuntutan syarak.

Justeru, pengguna media sosial khususnya dalam kalangan masyarakat Islam di dunia perlu kembali kepada prinsip al-quran dan as-sunnah dalam menghadapi fitnah di alam maya yang kian berleluasa. Ini kerana, masyarakat hari ini berdepan cabaran yang mana zaman maklumat di hujung jari membuatkan sumber yang dicapai terlalu banyak hingga tidak diketahui sama ada benar atau sebaliknya. Sehubungan itu, sebagai masyarakat Islam yang menjadi pengguna media sosial perlu menyemak serta memastikan kesahihan sesuatu maklumat sebelum membuat kesimpulan dan tindakan terhadap kesimpulan yang mereka dapati itu. Ini kerana, dunia kini adalah dunia tular yang mempunyai 'kelompok tular-

menular' iaitu individu yang gemar menyebarluaskan sesuatu perkara melalui media sosial sama ada terbuka atau tertutup.

Manakala dalam konteks memberi penjelasan mengenai kaedah fiqh dengan lebih jelas dan terperinci, kita berhadapan dengan zaman yang mana kita tidak tahu sama ada maklumat yang kita dapat dari capaian dijari-jemari kita ini, itu betul atau tidak. Oleh itu dalam surah *al-Hujurat* telah mengetengahkan dua prinsip penting yang Allah SWT gariskan kepada kita sebagai umat Islam, pertama prinsip *tabayyun* yang makna membawa erti selidik maklumat terlebih dahulu dan perlu pastikan keabsahan dan kesahihan maklumat yang dikeluarkan, sebelum kita membuat sebarang kesimpulan terhadap maklumat yang diperolehi. Manakala prinsip yang kedua pula disebut sebagai *husnuzon* yang membawa erti bersangka baik dan tidak dibenarkan bersangka buruk. Oleh itu, maklumat yang diperolehi perlulah dianggap sebagai sesuatu yang bermanfaat kepada diri individu dan masyarakat Islam tersebut dan bertujuan untuk membantu masyarakat Islam dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan isu keagamaan. Perkara ini juga membawa maksud berprasangka baik terlebih dahulu sebelum kita membuat keputusan dan kesimpulan sebelum tindakan dari kesimpulan tersebut.

Justeru, agama Islam telah jelas membuktikan bahawa agama ini mempunyai garis panduan dan peraturan yang merangkumi pelbagai aspek kehidupan termasuklah perkara yang berkaitan dengan kaedah fiqh dan aplikasinya dalam kehidupan seharian. Semua garis panduan itu telah dijelaskan di dalam al-quran dan as-sunnah dan diperincikan dengan pandangan-pandangan ulama dan cendikiawan. Namun begitu masih terdapat ramai dalam kalangan masyarakat Islam yang mengambil mudah dan tidak mengambil berat mengenai kaedah fiqh. Ini kerana, mereka adalah terdiri daripada golongan yang mana lahir sudah beragama Islam berbanding dengan golongan yang baru memeluk agama Islam. Menurut Hailani (2009) harta benda hakikatnya adalah milik Allah SWT, manusia hanya berhak mengambil manfaatnya sahaja dan terbatas dalam lingkungannya sahaja. Oleh itu nikmat harta yang dikurniakan Allah wajib disyukuri bukannya dicemari dan disalah gunakan. Selain itu, apabila kefahaman berkenaan kaedah fiqh sudah mula dikuasai oleh semua golongan masyarakat Islam maka segala usaha untuk membantu menyelesaikan masalah berkaitan dengan kehidupan seharian akan dapat diatasi dengan lebih berkesan kerana perlaksanaannya mengikut kehendak syariat Islam.

RUJUKAN

- Abu Zahrah. 1998. *Ushul Fiqh*. Bairut: Dar Al-fikr.
- Allison Ruby Reid-Cunningham. (2008). Human Needs. *Maslow's Theory of Motivation and Hierarchy of Human Needs: a critical analysis*, 24.
- Al-Quran. 2010. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Sarjit Singh Darshan Sing, Lee Yok Fee, Muhamad Nazri Lokman & Noor Asyikin Harun. 2011. Persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam hadhari. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 63 – 82.
- Brown, J.R., Dev, C.S., 2000. Improving productivity in a service business: evidence from the hotel industry. *Journal of Service Research* 2 (4), 339–354.
- Culture, M. o. (2013, February 28). Portal Rasmi Pelancongan dan Budaya

- Elvi Susanti Drs.Lahmuddin Yusuf (1999), Konsep Usaha Sama Dalam Perancangan dan Pengurusan Program Pelancongan Homestay di Banghuris. Universiti Teknologi Malaysia.Tesis Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.
- Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar. 2014. Halalan Tayyiban Dalam Kerangka Perundangan Malaysia, *Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 26(1)
- Hotel, M. A. (2013, February 26). Malaysian Association of Hotel. Retrieved from Hotel Listing:
[file:///C:/Users/User/Downloads/J.Htl/Hotel/Welcometo%20Malaysian%20Association%20of%20Hotels%20\(MAH\).htm](file:///C:/Users/User/Downloads/J.Htl/Hotel/Welcometo%20Malaysian%20Association%20of%20Hotels%20(MAH).htm)
- Hotel, T. L. (2013, 11 13). The LimeTree Hotel. Retrieved from Official Site of LimeTree Hotel: <http://www.limetreehotel.com.my/>
- Ibn al-Hajib. 1985. *Muntaha al-Usul wa al-Aman fi 'Ilm al-Usul wa Jadil*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Imam Al-Sayuthi. 1989. *Al-Isybah Wa al-Nadha'ir*. Bairut: al-Maktabah.
- Karim, M. S. (2007). Kerjaya Dalam Bidang Perhotelan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Lefever, M.M. (1989). Deans' roundtable: The future of hotel education. *The Cornell Hotel and Restaurant Administration Quarterly*, 30(2), 42-27.
- Malaysia, M. o. (2013, February 28). Portal Rasmi Pelancongan dan Budaya Malaysia. Retrieved from Hotel berdaftar: <http://www.motac.gov.my/en/check/registered-hotel.html>
- Malaysia. Retrieved from Hotel berdaftar: <http://www.motac.gov.my/en/check/registered-hotel.html>
- Md. Salleh Hassan & Saiful Nujaimi Abdul Rahman. 2000. *Modul pengenalan Komunikasi Massa*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Nasran Mohamad. 2009. *Kerangka media menurut perundangan Islam*. Dalam Mohd Safar Hashim & Zulkiple Abd Ghani. *Komunikasi di Malaysia: Satu penelitian awal pendekatan Islam hadhari*. Bangi Malaysia: Institut Islam Hadhari, 49-62.
- Mohd Shobi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar & Jusang Bolong. 2011. Kredibiliti Maklumat Sebagai Faktor Anteseden yang Mempengaruhi Tanggapan Pengguna dalam Model Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Internet. Wan Amizah Wan Mahmud, Faridah Ibrahim, Samsudin A.Rahim & Normah Mustafa (pnyt). Bangi: UKM.
- Mohd. Shuhaimi Bin Haji Ishak & Sohirin Mohammad Solihin. 2012. Islam and media. *Jurnal Asian Social Science*, 8(7), 263-269.
- Musa Abu Hassan, Zulkiple Abd. Ghani, Mohd Shobi Ishak, Jusang Bolong & Siti Zobidah Omar. 2011. Tahap Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Iternet Dari Perspektif Model Penerimaan Teknologi (TAM). Wan Amizah Wan Mahmud, Faridah Ibrahim, Samsudin A.Rahim & Normah Mustafa (pnyt). Bangi: UKM.
- Nickson, D. (2007). Human Resource Management for the hospitality and tourism industries. Great Britain: Elsevier Ltd. All rights reserved.
- Noor Shakirah Mat Akhir. 2006. *Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat dalam Isu dan Cabaran Media di Malaysia*. (pnyt.) Mohamad Md Yusoff et al. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komuniukasi Universiti Sains Malaysia.
- O'Neill, J.W., Mattila, A.S., 2004. Hotel branding strategy: its relationship to guest satisfaction and room revenue. *Journal of Hospitality & Tourism Research* 28 (2), 156–165.

- O'Neill, J.W., Mattila, A.S., 2010. Hotel brand strategy. *Cornell Hospitality Quarterly* 51 (1), 27–b34.
- Rosmawati Mohd Rasit, Salasiah Hanin Hamjah & Adawiyah Ismail. 2011. *Media dakwah dan tingkah laku prososial: Satu perspektif*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Media & Dakwah (SMED 2011), USIM.
- Rosmawati Mohd Rasit. 2011. Mediamorphosis melalui laman web sosial: Dari perspektif sasaran dakwah remaja. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Media & Dakwah (SMED 2011), anjuran Jabatan Pengajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, USIM.
- Selin S. (1999), Developing a Typology of Sustainable Tourism Partnerships, *Journal Of Sustainable Tourism*, Vol. 7, Nos 3 & 4: 260-273.
- Shamsul Amri. 2015. Media sosial ada baik dan buruknya. Wacana anjuran KITA dan Majlis Profesor Negara. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Simons, T., & Hinkin, T. (2006). The effect of employee turnover on hotel profits: A test across multiple hotels. Retrieved April 28, 2006, from www.hotelsschool.cornell.edu/chr/research/inbrief/empturnover.html
- Siti Eizaleila Mustafa & Azizah Hamzah. 2010. Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 12(2), 37–52.
- Sohirin & M. Solihin. 2008. Islamic Da'wah: Theory and Practice. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Xiao, Y. (2009). THE IMPORTANCE OF STAFF TRAINING IN THE HOTEL INDUSTRY. Renaissance Shanghai Yuyuan Hotel, 9-10.
- Yudian Wahyudi. 2007. *Maqashid Syari'ah*. Yogyakarta: Pesantren Nawesea Press.
- Yudian Wahyudi. 2007. *Ushul Fikih Versus Hermeneutika: Membaca Islam dari Kanada dan Amerika*. Yogyakarta: Nawesea, hlm, 48.
- Zamri Bin Zainal Abidin, Rosli Bin Mokhtar & Fakhri Bin Sungit. 2016. Maqasid As-Syariah Dalam Indeks Syariah Malaysia. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference 2016, 22 & 23 November 2016.
- Zulkifli Hassan 2008. *Memanfaatkan Media Sosial Untuk Dakwah*. Diakses daripada <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/friday-khutbah-usim.pdf>
- Zulkiple Abd Ghani. 2001. Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif. *Jurnal Islamiyyat*. 22: 79- 89.

Penulis

Siti Nur Husna bt Abd Rahman merupakan pelajar Doktor Falsafah di UiTM .

Muhammad Adnan Pitchan ialah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM dan mempunyai kepakaran dalam bidang kajian media baru.

Nursafra Mohd adalah Pensyarah Kanan di Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) is an academic faculty in UiTM.

Rafidah Mohd adalah Pensyarah Kanan di Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS) is an academic faculty in UiTM